Pembukaan Kota Mekah

Ringkasan kejadian yang mencetuskan pembukaan kota Mekah:

Kabilah Bani Bakar dan kabilah Bani Khuzaah telah bermusuhan sejak zaman jahiliah lagi.

↓

Kabilah Bani Khuzaah telah bermusuhan mengikat janji dengan Rasulullah SAW manakala kabilah Bani Bakar mengikat perjanjian dengan musyrikin Mekah. Berdasarkan Perjanjian Hudaibiyah, kedua-dua kabilah ini tidak boleh berperang selama 10 tahun.

↓

Pada suatu malam, bulan Syaaban ke-8 Hijrah, Naufal bin Muawiyah mengetuai sekumpulan daripada kabilah Bani Bakar dan musyrikin Mekah menyerang Bani Khuzaah yang berada di Alwatir.

↓

Beberapa orang daripada kabilah Bani Khuzaah telah dibunuh.

↓

Amru bin Salim Al-Khuza'i segera menuju ke Madinah untuk memaklumkan kejadian itu kepada Rasulullah SAW.

↓

Disebabkan peristiwa itu, musyrikin Mekah telah melanggar isi Perjanjian Hudaibiyah. Maka, Rasulullah SAW segera merancang strategi untuk membuka kota Mekah.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.